

XANAPAM TABLETS 0.5MG dan XANAPAM TABLETS 1MG

Alprazolam (0.5mg dan 1mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Xanapam Tablet
2. Bagaimana Xanapam Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Xanapam Tablet
4. Cara menggunakan Xanapam Tablet
5. Semasa menggunakan Xanapam Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Xanapam Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Xanapam Tablet

Alprazolam adalah kandungan aktif Xanapam Tablet. Ia digunakan untuk mengawal gangguan keresahan, kelegaan jangka pendek keresahan atau keresahan yang berkaitan dengan gejala-gejala kemurungan. Ia digunakan juga untuk mengawal gangguan panik dengan atau tanpa agoraphobia (keresahan dan ketakutan yang amat seperti berada di tempat yang mana sukar untuk terlepas diri atau di mana tiada pertolongan yang dapat diperolehi).

Bagaimana Xanapam Tablet berfungsi

Alprazolam adalah sejenis benzodiazepine yang bertindak ke atas bahan-bahan kimia dalam otak.

Sebelum menggunakan Xanapam Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda hipersensitif terhadap Alprazolam atau bahan-bahan kandungan yang lain
- Jika anda mempunyai sejarah hipersensitif terhadap mana-mana ubat benzodiazepine.
- Jika anda mempunyai masalah pernafasan, kekurangan paru-paru akut (kegagalan injap paru-paru untuk mengelakkan aliran darah pulang ke jantung) dan masalah hati yang teruk.
- Tidak disarankan untuk rawatan fobia (ketakutan kekal terhadap sesuatu benda atau situasi), keadaan obsesif (penyakit keresahan yang dicirikan dengan pemikiran intrusif yang menyebabkan ketidaksenangan, kebimbangan, ketakutan atau kerisauan, tingkahlaku yang berulang bertujuan mengurangkan keresahan yang terlibat) dan psikosis kronik.
- Jika anda menggunakannya untuk keresahan ringan untuk jangka masa pendek seperti keresahan dan tekanan hidup. Ia juga tidak boleh digunakan untuk rawatan kronik jangka masa panjang.

- Sebelum menggunakan Xanapam Tablet

Anda mesti beritahu doktor anda jika:

- Anda alergi terhadap mana-mana ubat-ubatan yang diambil sebelum ini untuk merawat keadaan sekarang.
- Anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusui.
- Jika anda di bawah umur 18 tahun, kerana keselamatan

dan keberkesanan ubat tidak dapat ditentukan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain
Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat berikut:

- Depresan Sistem Saraf Pusat – peningkatan kesan sedatif dan masalah pernafasan atau jantung mungkin berlaku.
- Antidepresan seperti imipramine dan desipramine: kepekatan darah mungkin meningkat
- Antiepileptik seperti carbamazepine, phenobarbitone dan phenytoin: kesan alprazolam mungkin berkurang.
- Antagonis H2 seperti cimetidine: kesan alprazolam mungkin meningkat
- Disulfiram mungkin meningkatkan kesan alprazolam, oleh itu, tindakbalas perlu diperhatikan.
- Antifungal seperti ketoconazole: mungkin meningkatkan kepekatan benzodiazepine dalam darah serta kesan sedatif.
- Antibiotik seperti Erythromycin: penggunaan serentak mungkin mengurangkan perkumuhan alprazolam dan meningkatkan kesan farmakologi ubat ini.

Pengambilan Xanapam 0.5mg atau 1mg bersama ubat opioid boleh menyebabkan penindasan sistem saraf pusat. Beritahu doktor sekiranya anda sedang mengambil ubat opioid. Dapatkan rawatan perubatan segera jika anda atau orang lain yang mengambil ubat ini mengalami kesan pening luar biasa, berasa sangat mengantuk, sukar bernafas atau pernafasan yang lambat atau tiada tindak balas.

Sentiasa beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, termasuk tonik herba, makanan tambahan dan ubat-

ubatan yang anda beli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Xanapam Tablet

Sentiasa mengambil ubat ini seperti yang diberitahu oleh doktor. Anda sepatutnya merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.

- *Berapa banyak harus digunakan*
Keresahan:
Dos permulaan: 0.25mg hingga 0.5mg tiga kali sehari
Julat dos biasa: 0.5mg – 4mg sehari secara pembahagian dos.
Kemurungan:
Dos permulaan: 0.5mg tiga kali sehari
Julat dos biasa: 1.5mg – 4.5mg sehari secara pembahagian dos.
Warga tua atau pesakit lemah:
Dos permulaan: 0.25mg dua atau tiga kali sehari
Julat dos biasa: 0.5mg – 0.75mg sehari secara pembahagian dos.
Gangguan berkaitan dengan panik:
Dos permulaan: 0.5mg – 1mg waktu malam sebelum tidur atau 0.5mg tiga kali sehari
Julat dos biasa: dos perlu diubahsuai bergantung kepada tindakbalas pesakit.
Peningkatan dos tidak seharusnya melebihi 1mg setiap 3 atau 4 hari.
Dos tambahan boleh ditambah sehingga 3-4 kali ganda dos harian tetapi tidak melebihi dos maksimum 10mg sehari.
- *Bila perlu digunakan*
Doktor akan menentukan bila masa adalah sesuai untuk menggunakan Xanapam Tablet mengikut keadaan anda.
Ubat hendaklah diambil dengan segelas air.
- *Berapa lama perlu digunakan*
Terus menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*
 - Sekiranya anda terlupa satu dos, ambil dos itu sebaik sahaja anda teringat.
 - Tetapi, sekiranya telah hampir masa untuk dos berikutnya, abaikan dos yang terlepas.
 - Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang dilupa.
 - *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*
Gejala-gejala termasuklah ataksia (kekurangan koordinasi pergerakan otot), mengantuk, koordinasi terjejas, percakapan tidak jelas, kekeliruan, koma dan kehilangan refleks.
Gejala lain seperti tekanan darah rendah, sawan, sukar bernafas dan pernafasan berhenti mungkin berlaku.
Pengguna adalah dinasihatkan untuk pergi ke hospital terdekat dengan segera sekiranya terambil dos berlebihan.
- Semasa menggunakan Xanapam Tablet**
- *Perkara yang perlu dilakukan*
 - Hubungi doktor jika gejala anda tiada penambahbaikan.
 - Hubungi doktor sekiranya anda hamil semasa penggunaan Xanapam Tablet
 - Berhati-hati semasa penggunaan ubat kerana ia boleh menyebabkan pembentukan tabiat sekira diambil untuk jangka masa panjang.
 - Beritahu doktor anda sekiranya anda ada penyakit hati alkoholik. Dos harian mungkin perlu dikurangkan.
 - *Perkara yang tidak boleh dilakukan*
Jangan beri Xanapam Tablet kepada orang lain walaupun gejala-gejala atau keadaan

mereka serupa seperti anda. Doktor anda menetapkan Xanapam Tablet untuk anda dan keadaan anda sahaja.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*
 - Ubat ini akan beri kesan mengantuk. Anda tidak sepatutnya memandu atau mengendali apa jua mesin.
 - Reaksi alahan dan bengkak pada muka yang serius mungkin berlaku pada pengambilan ubat untuk pertama kali.
 - Tingkah-laku kompleks berkaitan dengan tidur seperti memandu semasa tidur boleh berlaku
- Kesan-kesan sampingan**
Seperti ubat-ubat lain, Xanapam Tablet mempunyai kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Kesan-kesan sampingan berikut mungkin akan terjadi dengan ubat ini:
- Paling biasa: Mengantuk, penenang, ataksia (terutama di kalangan warga tua), kekeliruan, pening, tidak boleh tidur, ruam, perubahan nafsu berahi, gangguan darah, jaundis dan pengekalan air kencing.
 - Kurang biasa: penglihatan kabur, gangguan koordinasi, sakit kepala, gayat, tekanan darah rendah, perubahan air liur dan iritasi perut.
 - Jarang: Halusinasi, keliru, stimulasi, rasa marah atau kesan tingkah laku yang lain
Sekiranya mana-mana kesan sampingan bertambah serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.
Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai keraguan

atau untuk maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my (*Consumers* → *Reporting* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Xanapam Tablet

- Penyimpanan

Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Jangan simpan pada suhu lebih daripada 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jauhi dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

XANAPAM TABLETS 0.5MG:

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna merah jambu, berskor, leper, bujur, saiz 7.7x 5.25mm

- Bahan-bahan kandungan

- ◆ Xanapam 0.5mg mengandungi 0.5mg Alprazolam.
- ◆ Bahan-bahan kandungan lain termasuklah *Microcrystalline cellulose pH101, potato starch, corn starch, lactose, magnesium stearate* dan *Cochineal Red A*.

- Nombor MAL:
MAL19992138AZ

XANAPAM TABLETS 1MG

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna biru, berskor, leper, bujur, saiz 7.7x5.25mm

- Bahan-bahan kandungan

- ◆ Xanapam 1mg mengandungi 1mg Alprazolam.
 - ◆ Bahan-bahan kandungan lain termasuklah *Microcrystalline cellulose pH101, potato starch, corn starch, lactose, magnesium stearate* dan *Indigocarmine*.
- Nombor MAL:
MAL19992139AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn Bhd.
Plot 14, Lebuhraya
Kampung Jawa,
11900 Bayan Lepas, Pulau
Pinang, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

20/07/2020

Nombor Siri:

NPRA(R2/1)190509/132